

Petrografi dan cirian mekanikal bahan agregat di Kuari IJM, Labu, Negeri Sembilan

NURUL 'ASHIKIN MOKMIN, AZLIANA AZIS & AZIMAH HUSSIN

Program Geologi, Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Kawasan kajian terletak di Kuari (IJM), Labu, Negeri Sembilan. Berdasarkan kajian petrografi yang dilakukan didapati mineral utama yang membentuk batuan di kuari ini ialah kuarza, feldspar di samping mineral biotit serta klorit. Kandungan mineral kuarza melimpah iaitu melebihi 39%, feldspar kira-kira 25% manakala biotit dan klorit masing-masing menunjukkan nilai sekitar 5% dan 2%. Batuan granit di kuari ini boleh dikelaskan kepada empat jenis kumpulan iaitu granit berbutir halus, granit biotit berporfiri berbutir kasar, granit biotit berbutir sederhana dan granit zon sesar. Berdasarkan hasil ujian mekanikal, sumber bahan agregat daripada kuari ini mempunyai kekuatan yang tinggi.